

Harap kukuh kedudukan ekonomi negara: Husni

➔ Malaysia perlu lebih inovatif laksana transformasi pekerja mahir



► Kuala Lumpur

Bajet 2017 yang akan dibentangkan 21 Oktober ini diharapkan akan mengukuhkan kedudukan ekonomi negara pada masa depan, kata bekas Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Beliau berkata Malaysia perlu melaksanakan ekonomi yang lebih berinovatif dan melaksanakan dasar transformasi pekerja yang berkemahiran tinggi untuk terus berkembang maju.



Malaysia perlu fokus untuk meningkatkan ekonomi kerana struktur semasa ekonomi kita tidak boleh bertumbuh dan jika ikutkan ekonomi berasaskan buruh sekarang, kita pasti akan dipintas Indonesia dan Vietnam”

Ahmad Husni Hanadzlah,
Presiden AFPPD

Fokus tingkat ekonomi

“Malaysia perlu fokus untuk meningkatkan ekonomi kerana struktur semasa ekonomi kita tidak boleh bertumbuh dan jika ikutkan ekonomi berasaskan buruh sekarang, kita pasti akan dipintas Indonesia dan Vietnam,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Forum Ahli Parlimen Negara Asia Mengenai Populasi dan Pembangunan (AFPPD) di sini, semalam.

Bajet 2017 akan dibentangkan oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Razak.

Ahmad Husni yang juga presiden AFPPD berkata, negara perlu mentransformasikan sektor pengeluaran serta kemahiran tenaga kerja, selain membangunkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Ambil peluang

Mengulas lanjut, Ahmad Husni yang juga Ahli Parlimen Tambun berkata, beliau akan turut mengambil peluang berbahas mengenai Bajet 2017 pada hari pertama perbahasan dimulakan.

“Saya sebagai bekas menteri, akan lihat semua aspek dan saya akan suarakan melalui perspektif saya,” katanya.

Seramai 30 Ahli Parlimen dari 13 negara menghadiri forum dua hari itu yang membincangkan mengenai persediaan menghadapi status negara menua yang dijangka pada 2030.

BERNAMA